

D332

U B892 DEB
UMNO - UNDI R R R

KUALA LUMPUR, 26 MAC (BERNAMA) -- PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BULAN DEPAN AKAN MENGGUNAKAN SATU SISTEM PENGUNDIAN KHAS BAGI PEMILIHAN 25 ORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI PARTI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

SISTEM ITU, YANG DIPUTUSKAN DALAM MESYUARAT MT MALAM INI BERTUJUAN MENGELAKKAN KEMUNGKINAN BERLAKUNYA SEBARANG KESILAPAN KERANA +MUNGKIN LEBIH 100 ORANG+ BERTANDING MEREKUT KERUBI ITU DALAM PEMILIHAN KALI INI, KATA BELIAU.

BEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ITU SELAMA TIGA JAM, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA MELALUI SISTEM ITU SETIAP CALON AKAN DIBERI NOMBOR KHAS SEBAGAI PENGENALAN DIRI MABING-MASING.

PARA ANGGOTA PERWAKILAN PULA AKAN DIBERIKAN SEKEPING KERTAS MABING-MASING YANG MENGANDUNGI 25 RUANG UNTUK MENULIS NOMBOR-NOMBOR CALON YANG MEREKA PILIH, KATANYA.

BELIAU MENAMBAH, KAD YANG TERTULIS NAMA DAN NOMBOR CALON-CALON BERKENAAN JUGA AKAN DISEDIAKAN UNTUK DISEMAK BAGI TUJUAN PENGUNDIAN SEBELUM KERTAS UNDI ITU DIMASUKKAN KE DALAM PETI-PETI UNDI. -- LAGI.
0049MST 29 03 87

D333

U B893 DEB
UMNO - UNDI 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH, PENGUNDIAN BAGI JAWATAN PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN, NAIB-NAIB PRESIDEN, PENERUSI TETAP DAN TIMBALAN PENERUSI TETAP AKAN DIJALANKAN SECARA BERASINGAN DARIPADA PENGUNDIAN ANGGOTA MT.

PENGUNDIAN BAGI JAWATAN-JAWATAN BERKENAAN AKAN DIJALANKAN SEPERTI BIASA DENGAN PARA PERWAKILAN DIKEHENDAKI MEMANGKAH NAMA-NAMA CALON YANG DIPILIH OLEH MEREKA, KATANYA.

MENURUTNYA, PENGUNDIAN AKAN DIJALANKAN SECARA SEORANG DEMI SEORANG DAN TIDAK SECARA BERKUMPULAN -- BAHAGIAN DEMI BAHAGIAN SEPERTI MASA LALU.

PERDANA MENTERI BERKATA, SESI SEBELAH PAGI HARI PERTAMA PERHIMPUNAN AGUNG ITU DIKHAJAN UNTUK UPACARA PEMBUKAAN SAHAJA DAN PENGUNDIAN AKAN DIJALANKAN SELEPAS WAKTU SEMBAHYANG JUMAAT, KIRA-KIRA PUKUL 3 PETANG.

KIRA-KIRA 100 PETI UNDI AKAN DISEDIAKAN. -- LAGI.
0055MST 29 03 87

U B894 DEB
UMNO - UNDI 3 KUALA LUMPUR R R R

MENGENAI HARI TERAKHIR PENERIMAAN PENCALONAN, BELIAU BERKATA, MESYUARAT ITU MENETAPKAN BAHAWA BAKAL-BAKAL CALON HENDAKLAH MENGESAHKAN PENERIMAAN PENCALONAN MEREKA SEBELUM 4.30 PETANG, 11 APRIL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA TIGA BAHAGIAN UMNO IAITU KUANTAN, SUNGAI BENUT DAN BATU DIARAH MENGADAKAN SEMULA PERSIDANGAN PERWAKILAN MASING-MASING KERANA PERSIDANGAN MEREKA YANG TERDAHULU TIDAK SAH.

KATANYA KEPUTUSAN ITU DIBUAT SETELAH MT MENELITI SEGALA ADUAN MENGENAI KETIGA-TIGA BAHAGIAN BERKENAAN.

SEBELUM INI IBU PEJABAT UMNO MENERIMA ADUAN BAHAWA PERSIDANGAN PERWAKILAN LIMA BAHAGIAN DIANGGAP TIDAK SAH KERANA KEANGGOTAAN PARTI DI BAHAGIAN BERKENAAN BELUM DISAHKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MEREKA YANG DIIKTIRAF OLEH BAHAGIAN MASING-MASING SEBAGAI ANGGOTA UMNO SEBELUM 31 DIS TAHUN LEPAS, SAMA ADA DISAHKAN OLEH MT ATAU TIDAK AKAN DIANGGAP SEBAGAI ANGGOTA PARTI YANG SAH DAN BERHAK MENYERTAI KEGIATAN PARTI PADA PERINGKAT CAWANGAN ATAU BAHAGIAN.

SELEPAS KETETAPAN ITU DICAPAI, MT TIDAK AKAN MELAYAN APA-APA ADUAN YANG MEMPERTIKAIKAN KESAHIHAN PERSIDANGAN PERWAKILAN BAHAGIAN UMNO YANG LAIN, KATA BELIAU. -- LAGI.

0103MST 29 03 87

U B895 DEB
UMNO - UNDI 4 KUALA LUMPUR R R R

MENYENTUH TENTANG RANCANGAN PENGEMBANGAN UMNO KE SABAH YANG DIJADUALKAN DIBINCANGKAN MALAM INI, BELIAU BERKATA SOAL ITU TIDAK DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT KALI INI. IA DITANGGUHKAN +BUAT SEMENTARA WAKTU.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MESYUARAT JUGA TIDAK MEMBINCANGKAN MENGENAI PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK KERANA IA AKAN DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL PADA 1 APRIL.

MENGENAI PENGOSONGAN KERUSI PARLIMEN GOPENG EKORAN PERLETAKAN JAWATAN BEKAS PRESIDEN MCA, ENCIK TAN KOON SWAN YANG MENJALANI HUKUMAN PENJARA DUA TAHUN DI SINGAPURA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA MESYUARAT JUGA MEMBINCANGKAN MENGENAI ISU KOMPROMI ANTARA EMPAT TOKOH UTAMA PARTI UNTUK PEMILIHAN AKAN DATANG, BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN.

ANTARA YANG HADIR PADA MESYUARAT ITU IALAH TIMBALAN PRESIDEN DATUK MUSA HITAM, TIGA NAIB PRESIDEN ENCIK GHAFAR BABA, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, KETUA PEMUDA ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN KETUA WANITA DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ. -- BERNAMA.

0110MST 29 03 87